



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 18 JANUARI 2018

[No. 3

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 13

[No. JKM(S) 500-14/12 Klt. 2/(69)

PELANTIKAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Negeri Sabah dan atas nasihat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah melantik Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Sukarti bin Wakiman sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri berkuat kuasa mulai 9 Januari 2018 hingga 8 Julai 2018.

No. 14

[No. JKM(S) 500-14/30 Jld. 7(191)

PELANTIKAN PENDAFTAR PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU' LUAR NEGARA NEGERI SABAH BAGI PELAJAR/WARGA SABAH YANG BERKAHWIN DI LUAR NEGARA

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang
Enk. No. 8 Tahun 2004
diberi di bawah Subseksyen 28(3), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004,
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik penama-penama
yang tersebut di bawah ini sebagai Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'
Luar Negara Negeri Sabah bagi tempoh dua (2) tahun mulai 2 Oktober 2017 hingga
1 Oktober 2019 dan bermula 11 Oktober 2017 sehingga 10 Oktober 2019.

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Penempatan</i>	<i>Tempoh</i>
1.	Encik Mohd Faisal bin Tan Mutalib (811019-02-5179)	Education Malaysia, Washington.	Bermula 11 Oktober 2017 hingga 10 Oktober 2019 (2 tahun)
2.	Encik Muzafar Ikmal bin Saaid (801028-08-5801)	Education Malaysia, Australia.	Bermula 11 Oktober 2017 hingga 10 Oktober 2019 (2 tahun)
3.	Encik Rahmat bin Abdullah (840423-05-5097)	Education Malaysia, Mesir, Egypt.	Bermula 2 Oktober 2017 hingga 1 Oktober 2019 (2 tahun)

No. 15

[No. JKM(S) 100-22/16 Klt. 4(35)]

**PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH**

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 4(2), Enakmen Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah, 1981, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik penama-penama yang tersebut di bawah ini sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah seperti berikut:-

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Tempoh</i>
1.	Yang Berbahagia Datuk Teo Kwan Chin @ Teo Mau Sing @ John	Timbalan Pengerusi	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019
2.	Yang Berbahagia Puan Zaleha Rose Datuk Pandin	Ahli Lembaga Pengarah	1 Julai 2017 sehingga 30 Jun 2019

No. 16

[No. JKM(S) 100-22/46 Klt. 2(136)]

**PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH
(KO-NELAYAN)**

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 5(2), Enakmen Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah, 1981, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik penama-penama yang tersebut di bawah ini sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah Lembaga Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) seperti berikut:-

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Tempoh</i>
1.	Yang Berbahagia Datuk Hj. Daning Bajau	Ahli	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)
2.	Yang Berbahagia Datuk Hj. Mohd Zain Datuk Dahlan	„	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)
3.	Yang Berbahagia Datuk Hjh. Ruhsimah Hj. Zakaria	„	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)
4.	Encik Norsalin Salam	„	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)
5.	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan	„	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)
6.	Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	„	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)
7.	Cik Hajah Hamidah binti Mohd. Jaffar (No. K/P: 730418-12-5324)	„	1 Ogos 2017 sehingga 31 Julai 2019 Dua (2 tahun)

No. 17

[No. SPANS: 3/29/4/4 Klt. 3/420

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Ng Boon Seng ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Norliza Rima binti Norbidin ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 21 Ogos 2016.

KENAIKAN PANGKAT - (*samb.*)

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Alvin Garry Rasion ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Alvonna @ Farhanah Jammy ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Faizal bin Abd Rahman ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Farini binti Awang ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Glenn Maxwell Pang Hou Runn ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Hadi bin Hamzah ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Hazel Kiddo Richard ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Jamilah binti Tukang ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksibel secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Jude Anthony ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Mohammad Izam bin Jamal ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Mohd Dzulkarnain bin Mohd Jame ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Mohammed Ibni bin Abdul Sabul ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Encik Scott Simon Bosuin ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Siti Asmah binti Munir ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

[No. SPANS: 800-3/29/4/4 Klt. 3/420

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat secara hakiki Puan Syahbrina binti Osin ke jawatan Jurutera (Awam) Gred J44 secara fleksi secara khas untuk penyandang (KUP) mulai 2 Oktober 2016.

No. 18

[No. JKM.PHB. 600-2/1/535/(58)]

KORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 370/2017 yang disiarkan di dalam *Warta* Kerajaan pada 23 November 2017 diulangi pada 30 November 2017, nama “Pemilik” untuk Bil. No. 12, 20, 57 dan 92 dan “No. Hakmilik” untuk Bil. No. 4 dan 38 hendaklah digantikan seperti yang tercatat di bawah:-

<i>Bil.</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Pemilik</i>
12.	NT. 263200335 (NT. 213200335)	Jamal @ Abu Tani b. Osman Hamidon bin Jamal
20.	NT. 263194056 (NT. 213194056)	Alidah binti Mohd Ali
57.	NT. 263010457 (NT. 213010457)	Wong Kui Foh
92.	NT. 263063985 (NT. 213063985)	Langau bin Kansui
<i>Bil.</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>No. Hakmilik (Pembetulan)</i>
4.	NT. 213125319	NT. 263125319
38.	NT. 263056641	NT. 263059641

[No. JKM.PHB. 600-2/1/535/(58)]

CORRIGENDUM

In the *Gazette* Notification 370/2017 published in the *Government Gazette* dated 23rd November, 2017 and repeated on 30th November, 2017, the name of “Owner(s)” are to be substituted for items No. 12, 20, 57 and 92 and “Title No.” for items No. 4 and 38 as follows:-

<i>No.</i>	<i>Title No.</i>	<i>Owner(s)</i>
12.	NT. 263200335 (NT. 213200335)	Jamal @ Abu Tani b. Osman Hamidon bin Jamal
20.	NT. 263194056 (NT. 213194056)	Alidah binti Mohd Ali
57.	NT. 263010457 (NT. 213010457)	Wong Kui Foh
92.	NT. 263063985 (NT. 213063985)	Langau bin Kansui

<i>No.</i>	<i>Title No.</i>	<i>Title No. (Correction)</i>
4.	NT. 213125319	NT. 263125319
38.	NT. 263056641	NT. 263059641

REPEATED NOTIFICATIONS

No. 8 [No. JKM. PHB. 600-2/3/212/(19)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 371/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Pembinaan Talian Pemasangan Paip Air dari Loji Rawatan Air ke Jalan Moynod-Kuala Sapi di Kg. Muanad 3, Labuk Sugut, Daerah Beluran.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/212/(19)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 371/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the construction of Water Pipelines Route from Water Treatment Plant to Jalan Moynod-Kuala Sapi at Kg. Muanad 3, District of Beluran.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

LAND ACQUISITION ORDINANCE - (cont.)

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 9

[No. JKM. PHB. 600-2/3/213/(19)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 372/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Bekalan Air ke Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang dan sekitarnya untuk Kawasan Rumah Pam Penggalak, Sandakan.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/213/(19)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 372/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in

Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, Water Supply to Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang and surrounding for Pump House Area, Sandakan.

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 10

[No. JKM. PHB. 600-2/3/214/(17)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 373/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Bekalan Air ke Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang dan sekitarnya untuk Tapak Tangki Simpanan Air Bertingkat 2, Sandakan.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/214/(17)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 373/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Cap. 69 Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)

LAND ACQUISITION ORDINANCE - (cont.)

may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, Water Supply to Kg. Jaya Bakti, Kg. Memanjang and surrounding for Site of Elevated Reservoir 2, Sandakan.

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 11

[No. JKM. PHB. 600-2/5/64/(23)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 374/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu untuk Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Elektrik Melalui Pembinaan Talian 132KV dari PMU Dam Road ke PMU Warisan, Lahad Datu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 13 November 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/5/64/(23)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 374/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the 132KV Overhead Transmission Line Route from PMU Dam Road to PMU Warisan, Lahad Datu.

Dated at Kota Kinabalu, this 13th day of November, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2018 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:

KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2018

Warta Kerajaan termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

					RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia	120.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia	180.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)					2.40
Sesuai naskhah <i>Warta Kerajaan</i> , Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.					
Tidak lebih daripada 8 muka	1.80
Tidak lebih 9 hingga 16 muka	2.40
Tidak lebih 17 hingga 32 muka	3.00
Tidak lebih 33 hingga 48 muka	3.60
Tidak lebih 49 hingga 64 muka	4.20
Tidak lebih 65 hingga 96 muka	5.40
Lebih daripada 96 muka	7.20

dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih.

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta
indeks 2017 (dijilid dengan Kulit Keras) RM 42.00

Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).

Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang “& Co”.

Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.**